

Berita Bandaraya

Berita Bandaraya boleh dilayari di www.dbkl.gov.my

Keluaran 1/ Mac 2004
Muharram 1425H

ISSN 1675 - 1876 Naskhah Percuma

DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

Peace Garden

Peace Garden merupakan sebuah taman mesra yang memberi peluang kepada orang ramai terutamanya kepada warga emas dan golongan kurang upaya untuk sama-sama menikmati kemudahan-kemudahan yang disediakan. **Peace Garden** yang indah dan nyaman ini dipenuhi dengan tumbuh-tumbuhan hijau serta bunga-bungaan putih yang dapat meneangkan hati pengunjung apabila bersantai di situ.



Tun Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali, Penaung PPSEAWA semasa merasmikan Peace Garden. -
Gambar Beaufit Bujidaru

Peace Garden atau Taman Aman yang terletak di Taman Rimba Bukit Kiara, Taman Tun Dr. Ismail, Kuala Lumpur telah dibuka pada 9hb Februari 2004 oleh Yang Amat Bahagia Tun Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali (Penaung Persatuan Wanita Kartau Pasifik & Asia Tenggara, Malaysia - PPSEAWA). Turut serta pada majlis tersebut ialah Yang Bahagia Dato' Seri Datin Abdul Hamid (Presiden PPSEAWA Malaysia), Yang Bahagia Datin Hajah Kalsombi binti Abdul Rahman (Pengerusi PUSPANITA, DBKL), Yang Bahagia Dato Sri Dato' Dr. Fatimah Hamid (Pengerusi Peace

Zaleha Mohd Ali dan Yang Mulia Tengku Marina Badlishah.

Pembangunan **Peace Garden** ini berkonsepkan KEAMANAN iaitu sebuah taman kecil bertemakan ketenangan, keamanan, ketenteraman yang bercirikan *Tranquility* dan *Serenity*.

Peace Garden diindahkan dengan 2 buah wakaf rehat lengkap dengan pancur air dan *water cooler*. Terdapat juga 30 batang tiang bendera, siar kaki dan laluan refleksologi, kolam lily dengan deruan air terjun kecil yang didiami oleh pelbagai spesies ikan dan kura-kura, sungguh mengasyikkan! Sebuah pelantar meditasi sesuai untuk aktiviti yoga turut disediakan di samping sebuah gelanggang serbaguna yang dijadikan pentas utama untuk aktiviti taichi, wai tan kung, senamrobik dan *line dance*.

Sebenarnya **Peace Garden** ini ialah sebahagian daripada Taman Rimba. Pemilihan tapak **Peace Garden** berdasarkan tapak yang sesuai, damai, udara bersih dan dikelilingi kawasan perumahan. Keseluruhanya Taman Rimba ini seluas 15.70 hektar atau 38.78 ekar. Ia merupakan tanah bekas kawasan *nursery Forest Reserve Institute of Malaysia* (FRIM) yang telah diambil alih oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) pada tahun 1995.

Taman Rimba ini dikelilingi dengan pokok-pokok matang yang sedia ada dan mempunyai tiga buah kolam, yang dahulunya, menjadi sumber siraman pokok.

Selain daripada itu, kita masih boleh mendengar kicauan burung dan melihat serangga dan tupai bebas melompat dari satu dahan ke satu dahan di Taman Rimba ini. Kadang-kala kita juga berpeluang melihat anak ayam hutan yang terlepas dari hutan simpan di sekeliling taman.

Pada awal tahun 2003, pihak PPSEAWA serta DBKL telah mengadakan lawatan ke Taman Rimba ini. Maka

bersambung ke muka surat 2

Dari Meja Datuk Bandar



Sejak akhir-akhir ini, terdapat pertambahan jumlah bantahan yang diterima oleh DBKL yang mempunyai kepentingan samada langsung atau tidak langsung terhadap projek-projek pembangunan di Kuala Lumpur. Ada yang berasas tetapi banyak juga yang tidak mempunyai asas kukuh untuk membantah projek-projek tersebut. Dengan kata lain, ianya sekadar satu ikutan atau telah menjadi 'trend' terkini warga kota amnya.

Tetapi yang menjadi persoalan adakah mereka menyedari pembangunan pesat yang sedang berlaku di Kuala Lumpur? Pembangunan sedang berlaku dan akan terus berlaku. Sekiranya semua bantahan pada masa yang lepas diterima, maka Kuala Lumpur tidak akan menjadi seperti yang kita lihat hari ini.

Banyak permohonan atau pembaharuan Perintah Pembangunan telah diluluskan di awal 90an lagi tetapi kebanyakannya tertangguh akibat kemerosotan ekonomi. Semua permohonan ini adalah untuk pembinaan kompleks membeli belah, kondominium, taman-taman asuhan/tadika, pembesaran gereja/kuil, tanah perkuburan atau krematorium, kolumbarium dan lain-lain. Kadangkala ada juga permohonan menukar status tanah dari kediaman ke komersil.

DBKL membuat keputusan berdasarkan merit setiap kes dan selepas melalui prosedur-prosedur yang termaktub dalam Akta Perancangan Wilayah Persekutuan 1982. Sebelum kelulusan diberi, pihak DBKL akan menjemput bantahan daripada kejiranan kawasan tersebut dengan mengiklankannya di dalam akhbar-akhbar utama. Perancangan (Pembangunan) Undang-undang 1920 (Notis di bawah undang-undang no. 5) akan digunakan dalam mempertimbangkan setiap kes sebelum memutuskan samada meluluskannya atau tidak.

Saya bersetuju yang kita tidak boleh meluluskan pembinaan tanah perkuburan di 'depan pintu' atau di belakang rumah, tetapi kita mesti tahu bahawa sebilangan besar kawasan-kawasan ini telah diwartakan untuk kegunaan tertentu atau telah diluluskan untuk pembinaan sekolah, tanah perkuburan atau kondominium. Sememangnya, kita tidak boleh menafikan keperluan dan kehendak untuk pembangunan seperti ini.

Warga kota mesti berusaha menerima pembangunan seperti ini. Kita mesti menerima hakikat bahawa ada kawasan yang perlu dibangunkan untuk memenuhi keperluan, keselesaan dan kesenangan warga kota di masa depan. Malah ada juga projek pembangunan dilakukan di atas tanah milik individu atau harta persendirian. Selagi pemilik tanah memenuhi semua peraturan yang perlu dan tidak menyalahi undang-undang, DBKL mesti meluluskan permohonan untuk tanah-tanah seperti ini.

Apa yang berlaku sebenarnya, ada segelintir pemilik kediaman yang mahukan eksklusiviti untuk kejiranannya mereka. Justeru itu, mereka membantah sebarang bentuk pembangunan di kejiranannya mereka semata-mata untuk mengekalkan status 'eksklusif' ini.

Penghuni kota hendaklah bertimbangrasa dan memahami keperluan untuk tinggal di sebuah bandaraya. Pengorbanan perlu dilakukan bagi memberi jalan kepada pembangunan dan pemodenan bandar raya kita.

Tanggungjawab, tugas dan peranan sebagai Datuk Bandar mesti menjaga keberjayaan dan keperluan warga kota tetapi pada masa yang sama juga memastikan ianya tidak menghalangi proses pembangunan di Kuala Lumpur. Itulah dilema Datuk Bandar...

Aktiviti ekonomi dan pembangunan adalah penting untuk menjana pendapatan ekonomi untuk bandaraya dan DBKL khasnya. Satu-satunya sumbu yang boleh diambil tanah - yang mana ia perlu dibangunkan dalam keadaan yang seimbang dan tempat tanpa mengabaikan kehendak dan keperluan warga kota amnya.

Ini perlu kerjasama dari semua pihak. "Sindrom bukan di belakang pintu" sahaja tidak digunakan dalam konteks bandar raya kita. Sekiranya semua orang menolak sebarang bentuk pembangunan di bandaraya kita tiada projek pembangunan yang boleh dilaksanakan sekaligus merentangkan kemajuan di bandaraya kita.

Sesungguhnya, pembangunan melibatkan banyak faktor termasuk ekonomi, sosial, persekitaran dan budaya. Ini adalah realiti yang mesti kita fahami.

..dari muka depan

KUALA

tercetuslah idea untuk merealisasikan Taman Aman di Taman Rimba ini.

Pada pertengahan tahun ini, kerja-kerja menaik taraf akan bermula yang akan menjadikan Taman Rimba sebagai sebuah taman khas untuk aktiviti perkhemahan dan aktiviti carian bagi pencinta alam sekitar. Keruduhan sampingan seperti perbat kecili bilik air, surau, bilik persiaran, ruang perkelahan dan BBQ pit juga dibina untuk melengkapkan lagi taman ini pengunjung berasa lebih selesa, khususnya kepada ahli-ahli Pandu Puteri, Pengakap, Ahli Bulan Sabit Merah, Kadet, Renjer dan kanak-kanak sekolah yang berkhemah di sini. DBKL turut merancang untuk membina sebuah Outward Bound Square di kawasan ini sebagai tempat latih tubi bagi remaja yang sukakan aktiviti ala tentera.

Penduduk berhampiran kawasan Taman Rimba ini amat bertuah dan seharusnya bersyukur kerana selain Taman Rimba, sebuah lagi taman rekreasi serba lengkap iaitu Taman Lembah Kiara terletak lebih kurang 100 meter dari sini. Taman Lembah Kiara ini telah dirasmikan pada 6 Oktober tahun lalu.

Perancangan terkini DBKL bagi kawasan ini adalah membangunkan Taman Arboretum seluas 124 hektar atau 320 ekar yang terletak di antara Taman Rimba dan Taman Lembah Kiara. Lokasi ini juga berhampiran Bukit Kiara Equestrian Park. Taman Arboretum ini akan menempatkan pelbagai jenis spesies dan bentuk pokok hutan. Objektif utama pembangunan Taman Arboretum ini adalah untuk menyediakan sebuah taman yang mempunyai ciri-ciri conservation, pembelajaran, taman rekreasi, taman permainan dan tempat beriadah bagi semua warga kota di samping menjadi khazanah dan kebanggaan negara.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi nombor talian 03- 2283 4268, faks (03- 2284 7059) atau kunjungi laman www.ppseawa.org.my.



Tun Dr. Siti Hasmah melepaskan burung merpati semasa Majlis Perasmian Pembukaan Peace Garden/Taman Aman. Di kiri ialah Y.Bhg. Datin Kalsombi Abd. Rahman, Pengerusi PUSPANITA, DBKL dan di kanan beliau ialah Y.Bhg. Datuk Haliyah Othman, Timbalan Ketua Pengarah (Pentadbiran), DBKL. - Gambar Berita Bandaraya.

TAMAN BUKIT MALURI DENGAN TAMAN KEPONG/ TAMAN KEPONG BARU DIHUBUNGKAN

Pembinaan jalan sambungan serta jambatan bagi menghubungkan kedua-dua Taman Bukit Maluri/ Bandar Manjalara dan Taman Kepong (Taman Kepong Baru) telah disiapkan. Pembinaan jalan sambungan ini bermula pada September 2002 dan telah disiapkan lebih awal berbanding dengan tarikh sebenar pada Mac 2004.

Sebenarnya taman-taman tersebut terletak bersebelahan dan jarak antaranya hanya dipisahkan oleh landasan keretapi. Sebelum pembinaan jalan sambungan dan jambatan, kedua-dua taman ini hanya dihubungkan dengan jambatan pejalan kaki selebar 1.5 meter sahaja. Jarak perjalanan dari Taman Kepong ke Taman Bukit Maluri adalah sejauh 4km dan penyiapan jambatan ini menjadikan kedua-dua taman ini lebih dekat.

Skop pembinaan projek bernilai RM17 juta ini merangkumi pembinaan jambatan 7-rentang (merentangi landasan keretapi) sepanjang lebih kurang 220 meter. Penaikan taraf jalan yang sedia ada adalah sepanjang lebih kurang 1.3km. Jalan dan jambatan 4 lorong 2 hala ini bertujuan untuk menghubungkan Taman Kepong/ Taman Kepong Baru dengan Jalan Burung Hantu di Taman Bukit Maluri.

Sistem penyuraian lalu lintas yang baru di



Y.Bhg. Datuk Mohamad Shaid Mohd. Taufek berjabat tangan dengan Y.B. Tan Kee Kwong, Ahli Parlimen Kepong semasa majlis perasmian jambatan baru yang menyambungkan Taman Bukit Maluri/ Bandar Manjalara dan Taman Kepong. - Gambar Berita Bandaraya

kawasan ini telah menjadi lebih mudah untuk pengguna jalan raya terutamanya penduduk di taman-taman tersebut. Kenderaan yang menggunakan laluan biasa untuk menuju ke destinasi masing-masing akan berkurangan dan seterusnya suasana taman perumahan ini menjadi lebih selesa. Pada masa yang sama, aktiviti-aktiviti sosial dan ekonomi (perniagaan) di kawasan tersebut juga dapat diperingkatkan.

Selain itu, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) juga sedang menyiapkan beberapa projek lain di sekitar dan berhampiran kawasan ini. Ia bertujuan untuk mewujudkan satu rangkaian jalan dan sistem penyuraian lalu lintas yang berkesan.

Baru-baru ini, DBKL telah menyiapkan projek Jalan Udang Karang Taman Sri Segambut sepanjang 0.8km dengan kos lebih kurang RM2.5 juta. Kini jalan tersebut telah pun dibuka kepada lalu lintas. Di samping itu, DBKL juga sedang giat menaik taraf Jalan Taman Bukit Maluri dengan anggaran kos berjumlah RM2.8 juta yang dijangka siap pada Julai 2004.

DBKL akan melaksanakan beberapa projek lain lagi di sekitar Kuala Lumpur dan akan dilakukan secara berperingkat-peringkat.



Jambatan baru yang menghubungkan Taman Kepong/ Taman Kepong Baru dengan Jalan Burung Hantu di Taman Bukit Maluri. - Gambar Berita Bandaraya